



'Selangkah ke Universiti' Pupuk Semangat Masuk 'U'



Datin Seri Paduka Rosmah menandatangani plak skrin bagi upacara perasmian program 'Selangkah ke Universiti'.

SERDANG, 6 April – Program 'Selangkah ke Universiti' memupuk semangat memasuki universiti terhadap pelajar sasaran yang berpotensi berjaya dalam bidang akademik.

Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (Bakti), Y.A. Bhg Datin Seri Paduka Rosmah Mansor berkata program yang dianjurkan oleh Bakti itu menjadi pendorong semangat pelajar untuk lebih berusaha dalam pelajaran agar dapat menjelak kaki ke menara gading kelak.



"Program ini membantu pelajar mengenal pasti bidang pengkhususan yang ingin diceburi selepas tamat persekolahan menengah serta memperkenalkan kehidupan sebenar sebagai mahasiswa di universiti.

"Keutamaan juga adalah kepada pelajar tingkatan 4 yang tidak mempunyai ahli keluarga yang belajar di universiti dengan harapan apabila pelajar berkenaan layak ke universiti, ia akan dituruti oleh ahli keluarga yang lain," katanya.



Pelajar sekolah memakai jubah konvokesyen dari pelbagai IPTA sambil membaca ikrar.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan program itu yang mendapat kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan 14 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Datin Seri Paduka Rosmah menyeru mahasiswa di semua IPTA dan IPTS memperbanyakkan aktiviti luar kampus terutamanya aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan yang berfaedah sebagai satu tanggungjawab sosial kepada masyarakat.”.



Datin Seri Paduka Rosmah(kiri) terima bunga orkid UPM dari Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah(kanan) sambil diperhatikan oleh Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin (dua dari kiri).

UPM selaku tuan rumah majlis pelancaran telah menghimpunkan seramai 400 orang pelajar sekolah menengah dari 8 kawasan parlimen Wilayah Persekutuan dan Selangor termasuk 50 orang guru bagi menyertai program itu.

Aktiviti dari jam 9 pagi itu bermula dengan ceramah kepentingan belajar ke universiti, sesi perkongsian pengalaman bersama Majlis Perwakilan Pelajar UPM dan lawatan pelajar ke lokasi menarik di UPM.

Program itu akan diperluaskan ke seluruh negara yang akan diselaraskan oleh beberapa IPTA terpilih.



Datin Seri Paduka Rosmah(kiri) beramah mesra bersama pelajar sekolah.

Majlis turut dihadiri oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia Dato' Saifuddin Abdullah dan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Mohd Faisal Md Noor 03-89466013).**